



**PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG  
PULAU PINANG**

**CADANGAN TAWARAN MENYEWAKAN PREMIS DAN TAPAK DI  
DALAM KAWASAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG**

SILA LENGKAPKAN KESEMUA LAMPIRAN SEPERTI YANG DINYATAKAN  
SEBELUM DIKEMBALIKAN KEPADA PEJABAT PENGURUSAN,  
PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG

TARIKH TUTUP	: 26 JUN 2026 (HARI JUMAAT) 12.00 TENGAH HARI
TEMPAT	: PETI SEBUTHARGA DI LOBI UTAMA PEJABAT PENGURUSAN PSDKLPP STADIUM NEGERI PULAU PINANG BATU KAWAN, 14100 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG
RUJUKAN	: PSDKLPP.2026.LP.02
HARGA DOKUMEN	: PERCUMA

Disediakan oleh : Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang  
Telefon : 04-5899 209

## NOTIS PENGUMUMAN



### PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG (<https://psdklpp.gov.my/>)

#### CADANGAN TAWARAN MENYEWAWA PREMIS DAN TAPAK DI DALAM KAWASAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG

\*\*\*\*\*

Lokasi	:	Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan Gerai 03
Harga Rizab	:	RM800.00 (sebulan)
Tarikh Mula Bidaan	:	12 Jun 2026 (Jumaat)
Tarikh Tutup Bidaan	:	26 Jun 2026 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari
Borang Permohonan Boleh Diperolehi	:	Pejabat Pengurusan PSDKLPP Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Simpang Ampat14100, Pulau Pinang
Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi	:	En. Teh Chin Han Tel: 04-5899 209

CADANGAN TAWARAN MENYEWAWA PREMIS DAN TAPAK  
DI DALAM KAWASAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida lot perniagaan di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.

2. SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAAN

- i. Tempoh sewaan : Satu (1) tahun dan akan dipertimbang untuk diperbaharui
- ii. Keluasan tapak yang disewa : Gerai 03 – 412 sqft
- iii. Penyewa perlu membayar sewa satu (1) bulanan; deposit bernilai tiga (3) bulan sewaan; dan deposit bekalan air RM150.00 ketika menandatangani Surat Setuju Terima dengan PSDKLPP; dan
- iv. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini adalah:
  - a. Gerai 03 – RM800.00 sebulan

3. SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen pendaftaran syarikat).
  - a. Tarikh mula bidaan : 12 Jun 2026 (Jumaat)
  - b. Tarikh tutup bidaan : 26 Jun 2026 (Jumaat)  
Jam 12.00 tengah hari
- ii. Sekiranya pembida yang berjaya gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh PSDKLPP atau menolak tawaran PSDKLPP, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan Pembidaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara PSDKLPP.
- iii. Pembida yang berminat boleh mencetak borang permohonan ini dan menghantar ke Peti Sebut Harga sebelum tarikh penutupan.
- iv. Borang yang telah diisi dengan harga tawaran bidaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan '**CADANGAN TAWARAN MENYEWAWA PREMIS DAN TAPAK DI DALAM KAWASAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG**'. Sampul ini kemudiannya dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan lobi utama Pejabat Pengurusan PSDKLPP, Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.
- v. Pembida boleh melawat periksa tapak sebelum menyertai bidaan ini. Satu lawatan tapak akan diadakan pada 19 Jun 2026, berjam 10.00 pagi.

- v. Pembida perlu mengemukakan sesalinan kad pengenalan bersama-sama dengan borang bidaan, sijil SSM dan lesen berniaga serta sijil berkaitan.
- vi. PSDKLPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat serta menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- vii. Pembida perlu mematuhi atau memperolehi lesen berkenaan daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- viii. Jadual harga dijual mestilah dipamerkan dengan jelas.
- ix. Pembida bertanggungjawab membersihkan ruang duduk dan kawasan sekeliling tapak sewaan.
- x. Keputusan pihak PSDKLPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.
- xi. Pembida dikehendaki menyediakan senarai jenis jualan/perkhidmatan yang bakal disediakan.
- xii. Waktu operasi yang ditetapkan oleh pihak PSDKLPP adalah 9.00 pagi sehingga 4.00 petang, namun pihak pembida boleh kemukakan cadangan waktu operasi yang akan dipertimbangkan oleh pihak PSDKLPP.
- xiii. Pembida tidak dibenarkan meletak kerusi dan meja di luar parking atau atas jalan, walaubagaimanapun boleh membuat penyewaan ruang-ruang yang mempunyai kadar sewaan.

## CADANGAN TAWARAN MENYEWAKAN PREMIS DAN TAPAK DI DALAM KAWASAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG

- 1) Penyewa yang berjaya adalah dikehendaki supaya:
  - a) Menandatangani satu surat setuju terima dan perjanjian dengan PSDKLPP dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
  - b) Penyewa hendaklah menjaga sebarang kemudahan yang disediakan dengan cermat dan sebaik mungkin. Jika terdapat kerosakan yang disebabkan kecuaiannya, kos membaiki adalah ditanggung oleh penyewa.
  - c) PSDKLPP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kemalangan dan kehilangan barangan yang berlaku ke atas penyewa sebelum, semasa dan selepas.
  - d) Wang deposit/cagaran akan dikembalikan setelah PSDKLPP mendapati semua syarat yang dikenakan sama ada secara bertulis atau lisan dipatuhi. Deposit/cagaran akan ditahan sekiranya berlaku kehilangan peralatan, kerosakan akibat Penyewaan/penggunaan atau hal-hal kebersihan.
  - e) Membenarkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh PSDKLPP untuk memeriksa tapak itu pada bila-bila masa.
  - f) Pemasangan meter utiliti perlu dilakukan oleh pembida yang berjaya.
  - g) Tempoh penyewaan adalah untuk satu (1) tahun dan akan dipertimbangkan untuk diperbaharui.
  - h) Penyewa perlu membayar sewa secara EFT dan deposit gerai bernilai 3 bulan sewaan serta deposit air bernilai RM150.00 ketika menandatangani Surat Setuju Terima dengan PSDKLPP.
  - i) Yuran Penyelenggaraan adalah sebanyak **RM60.00 sebulan** dan pembayaran ini adalah **diwajibkan**.
  - j) Penyewa perlu membayar sewaan bulan selewat-lewatnya pada tiga (3) hari pada bulan penyewaan.
  - k) Penyewa dikehendaki bertanggungjawab di atas semua kerosakan tapak sepanjang tempoh pajakan. Jika terdapat kerosakan yang disebabkan kecuaiannya, kos membaiki adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa. Sekiranya PSDKLPP menjalankan kerja-kerja pembaikan, kos akan ditanggung oleh penyewa.
  - l) Bil tandas dikongsi bersama peniaga-peniaga di astaka dan kebersihan serta pembaikan ditanggung bersama peniaga bersama.
  - m) Penyewa dikehendaki mempunyai lesen perniagaan yang sah diperolehi daripada pihak berwajib termasuk permit pekerja dan lesen perniagaan yang sah perlu dipaparkan di gerai.
  - n) Penyewa dikehendaki memastikan semua pengendali makanan telah diberikan suntikan *typhoid*.

- o) Papan tanda perniagaan atau sebarang bahan promosi perlu mendapatkan kelulusan PSDKLPP.
- p) Penyewa dikehendaki menitikberatkan dan sentiasa mengamalkan kebersihan, kesihatan dan keselamatan di tapak. Pihak PSDKLPP berhak untuk membuat kebersihan terhadap premis perniagaan jika didapati ianya tidak dijaga dengan tahap yang memuaskan dan kos pembersihan ini akan surcaj mengikut kadar semasa.
- q) Tong sampah perlu disediakan di kawasan perniagaan dan ianya perlu dibersihkan setiap hari. Sampah harian perlu dibungkus dengan kemas dan diletakkan di lokasi pungutan sampah yang disediakan. Hanya sampah perniagaan daripada gerai dibenarkan dibuang di lokasi yang ditetapkan.
- r) Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan tapak dalam keadaan asal dengan persetujuan PSDKLPP.
- s) Syarikat/individu yang berjaya dikehendaki membayar kepada PSDKLPP sewa pajakan sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani.
- t) Penyewa dikehendaki mematuhi arahan yang ditetapkan oleh PSDKLPP dari semasa ke semasa. Penyewa memberi kerjasama kepada PSDKLPP atau pihak yang dilantikan oleh PSDKLPP dari semasa ke semasa.
- u) Syarikat/individu yang berjaya dikehendaki memastikan peniaga sentiasa mengamalkan kebersihan kawasan tapak dan tiada pembuangan sisa atau air pencucian dibuang atau ditinggalkan di kawasan tapak.
- v) Kerusi dan meja perlu disediakan oleh pembida yang berjaya dan ianya perlu sentiasa berada dalam keadaan yang bersih serta kerusi dan meja yang rosak atau usang perlu diganti.

## 2. Penyewa yang berjaya tidak dibenarkan:

- a) Menggunakan mana-mana bahagian tapak sebagai tempat kediaman atau memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk berbuat demikian, kecuali dengan mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak PSDKLPP.
- b) Memelihara atau menyimpan sebarang binatang ternakan dalam kawasan tapak.
- c) Membuat sebarang tambahan/penukaran ke atas tapak.
- d) Tapak akan disewakan mengikut sedia ada (*'as is where is basis'*).
- e) Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian/tambahan struktur di atas tapak tersebut tanpa kelulusan bertulis PSDKLPP.
- f) Pajakan kecil (*sub-let*) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak PSDKLPP akan serta merta membatalkan dan deposit akan diserapkan dan tidak dikembalikan.
- g) Pembida yang berjaya tidak dibenarkan menutup gerai bagi tempoh dua (2) hari tanpa sebab dan memaklum kepada pihak PSDKLPP secara bertulis.

## BORANG BIDAAN

### CADANGAN TAWARAN MENYEWAWA PREMIS DAN TAPAK DI DALAM KAWASAN STADIUM NEGERI PULAU PINANG

Saya: \_\_\_\_\_

(Nama dalam huruf besar)

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

(kepilkan salinan kad pengenalan)

bagi pihak Individu/Syarikat \_\_\_\_\_

(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewawakan tapak PSDKLPP Di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan daripada Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan sebulan:

Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ sahaja

(RM \_\_\_\_\_) kepada Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang dan dokumen pendaftaran syarikat \*(sekiranya syarikat)

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Setuju Terima dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat sewaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_  
(Huruf Besar)

No. K.P : \_\_\_\_\_

Jawatan dalam Syarikat : \_\_\_\_\_

Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran Syarikat : \_\_\_\_\_

Alamat Berdaftar Syarikat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_

(sekiranya berlainan dengan \_\_\_\_\_

alamat di atas) \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_ No. Faks : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN A**

**JENIS JUALAN / PERKHIDMATAN**

<b>Bil</b>	<b>Menu Jualan / Butiran Jualan</b>
1	
2	
3	
4.	
5.	

LAMPIRAN B

i. Lot gerai 03

